



## PRESS RELEASE

S.A. 2022/11/23\_90 (HQ)

### TNB KEKAL BERDAYA TAHAN DI SEBALIK KRISIS TENAGA

- PAT terjejas oleh impak kerugian tukaran mata wang asing
- Kumpulan mengambil langkah berhemat untuk kekal berdaya tahan

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mencatatkan prestasi kewangan yang wajar dalam tempoh sembilan bulan Tahun Kewangan 2022 (9BTK2022), disokong oleh permintaan elektrik Kumpulan lebih tinggi sebanyak 7.2% tahun ke tahun, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Hasil kumpulan tanpa pelunasan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi tempoh berkenaan meningkat 6.6% kepada RM37.95 bilion daripada RM35.59 bilion, disumbangkan oleh peningkatan jualan elektrik TNB dalam semua sektor.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, dalam pelunasan ICPT bagi 9BTK2022 telah melonjak kepada RM15.92 bilion berbanding RM1.30 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu dalam persekitaran harga bahan api semasa yang tinggi.

Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) dilaporkan lebih tinggi pada RM16.31 bilion berbanding RM14.39 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. EBITDA (tanpa kos pelunasan ICPT) telah meningkat kepada 43.0% daripada 40.4% tahun lepas, mencerminkan peningkatan dalam prestasi operasi TNB.

Bagaimanapun, Keuntungan Selepas Cukai (PAT) susut 4.3% kepada RM2.75 bilion daripada RM2.87 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Ini disumbangkan terutamanya oleh impak tukaran mata wang asing yang lebih tinggi, kos kewangan dan perbelanjaan cukai termasuk Cukai Makmur untuk TK2022.

### Mekanisme ICPT

Di sebalik kos harga bahan api semasa yang tinggi, mekanisme ICPT di bawah Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) membolehkan TNB kekal neutral kerana sebarang perubahan kos penjanaan dapat dilaraskan dalam bentuk rebat atau surcaj. Pelarasan kos bahan api tidak terkawal dan kos kaitannya dalam penjanaan elektrik dilaksanakan pada tempoh enam bulan berikut berdasarkan kos ditanggung oleh utiliti dalam tempoh enam bulan sebelumnya.

Bagi tempoh pemulihan ICPT dari Julai hingga Disember 2022, Kerajaan telah bersetuju untuk membayar balik kos ICPT TNB berjumlah RM 5.8 bilion. "Kami berbesar hati untuk

memaklumkan bahawa kami telah menerima sehingga kini sejumlah RM4.8 bilion pemuliharaan kos ICPT bagi tuntutan Julai hingga November 2022 daripada Kerajaan,” kata Baharin.

### **Mempercepatkan Inisiatif Peralihan Tenaga**

Dalam menyokong inisiatif peralihan tenaga, Baharin berkata, TNB sedang mempercepatkan usahanya dengan menamatkan perkhidmatan loji arang batu terpilih lebih awal daripada tempohnya serta memperkasakan semula loji janakuasa fosil dengan teknologi hijau baharu.

“Pada Ogos lalu, kami telah mengumumkan kerjasama dengan PETRONAS dalam kajian kebolehlaksanaan penggunaan teknologi Hidrogen dan pemerangkapan karbon yang mempunyai potensi nilai komersil sekurang-kurangnya RM10 bilion sehingga 2035.

“Selain itu, kita juga telah menerima Letter of Intent (LoI) daripada Kerajaan untuk pembangunan semula Loji Janakuasa Kitar Padu 2,100 MW di Kapar, Selangor. Loji ini akan dibangunkan dengan teknologi hidrogen masa hadapan sebagai bahan api alternatif kepada gas.”

Beliau juga menambah bahawa TNB akan memulakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai pengeluaran hidrogen hijau dengan elektroliser lebih cekap yang bertujuan untuk mengurangkan kos purata setiap unit dijana untuk hidrogen hijau.

Bagi Kenderaan Elektrik (EV), sebagai pemboleh utama dalam membangunkan ekosistemnya di Malaysia, TNB komited untuk memastikan infrastrukturnya yang merentasi seluruh Semenanjung adalah sedia EV.

“Kami telah berjanji untuk memasang pengecas di sepanjang lebuh raya bagi rasa menghapuskan kekusaran pengguna. Bagaimanapun, penggunaan EV di Malaysia hanya boleh meningkat apabila model mampu milik boleh ditawarkan kepada orang ramai.”

### **Prospek**

Bagi sembilan bulan pertama 2022, ekonomi keseluruhan negara berkembang sebanyak 9.3%\*, selaras dengan pertumbuhan permintaan elektrik Semenanjung Malaysia sebanyak 8.1%, yang telah menyumbang kepada prestasi berdaya tahan Kumpulan dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, cabarannya kekal dengan persekitaran harga bahan api berterusan tinggi, yang memberi tekanan kepada baki belum terima Kumpulan.

Bagi tahun 2022, ekonomi Malaysia dijangka kekal teguh dengan unjuran pertumbuhan tahunan antara 6.5% hingga 7.0%\*. Di tengah-tengah persekitaran global yang mencabar, pertumbuhan keseluruhan dijangka kembali normal pada 2023.

Mengambil kira persekitaran perniagaan yang mencabar, Kumpulan menjangkakan prestasi yang munasabah untuk tahun 2022. Namun begitu, Kumpulan tetap berhati-hati dan telah mengambil langkah berhemat dari segi keperluan operasi dan kewangannya untuk memastikan ia kekal berdaya tahan.

\*Sumber: Bank Negara Malaysia

### Sorotan Kewangan

RM' Juta	9 Bulan Berakhir 30 September 2022	9 Bulan Berakhir 30 September 2021
Jumlah Pendapatan	53,870.2	36,894.4
Perbelanjaan Operasi	(46,509.2)	(30,025.9)
Pendapatan Operasi Lain	676.8	548.4
<b>Lebihan Operasi (EBIT)</b>	<u>7,909.5</u>	<u>6,510.0</u>
Kos Kewangan	(3,200.8)	(2,831.6)
Keuntungan/(kerugian) transaksi tukaran wang asing	608.7	(162.4)
<b>Keuntungan (sebelum keuntungan\ (kerugian) transaksi tukaran wang asing)</b>	3,262.5	2,946.4
<b>Keuntungan yang diagihkan kepada pemilik syarikat</b>	2,654.2	2,784.0
<b>Keuntungan tempoh berkenaan</b>	2,749.5	2,872.2
<b>Pendapatan sesaham</b>	46.29 sen	48.72 sen

## **Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.5 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)

**Released in Kuala Lumpur on 23 November 2022 at 6:30 pm**

*Kindly forward all press enquiries to Hanim Idris at 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*or email us at [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



TNB President and Chief Executive Officer, Dato' Indera Ir. Baharin Din